

14/12/2011

Tukang paip ditahan seludup syabu RM3.3j

KOTA KINABALU 13 Dis. - Polis menahan seorang tukang paip kerana cuba menyeludup masuk kira-kira 11 kilogram dadah jenis syabu bernilai RM3.3 juta di Terminal Dua Lapangan Terbang Antarabangsa Kota Kinabalu (KKIA) malam tadi.

Suspek berusia 31 tahun dan masih di bawah pengawasan Agensi Anti Dadah Kebangsaan (AADK) kerana penyalahgunaan dadah ditahan sejurus tiba dari Terminal Penerbangan Tambang Murah (LCCT), Sepang, pukul 10.40 malam.

Menurut Pesuruhjaya Polis Sabah, Datuk Hamza Taib, pemeriksaan sebuah beg sandang dan dua beg pakaian dibawa suspek berasal dari Keningau, polis menemui dadah disembunyikan di dalam bungkusan teh herba cina dan kotak minuman keras.

"Rampasan itu merupakan kejayaan terbesar polis negeri tahun ini. Kita percaya dadah itu adalah untuk pasaran di sini, disyaki turut melibatkan sindiket," katanya pada sidang akhbar di sini, hari ini.

Hadir sama, Ketua Jabatan Siasatan Jenayah Narkotik negeri, Supritendan Rahim Dolmat.

Menurutnya, kes tersebut disiasat mengikut Seksyen 39B Akta Dadah Berbahaya 1952 yang membawa hukuman gantung sampai mati jika sabit kesalahan.

Katanya, suspek yang masih bujang dan positif dadah jenis methamphetamine ditahan reman sehingga 18 Disember ini untuk siasatan lanjut.

Hamza memberitahu, suspek ditahan hasil maklumat polis dan enggan mengulas bagaimana suspek berjaya melepasi pemeriksaan di LCCT.